



HARI : _____

KHAMIS

TARIKH :

4/7/2019

M/SURAT :

43

Turunkan harga alat ganti tulen

KUALA LUMPUR 3 Julai - Rata-rata pengguna meletakkan soal keselamatan sebagai perkara kedua dalam aspek penyenggaraan kereta, sebaliknya yang diutamakan ialah kereta boleh digunakan seperti biasa,

Yang Dipertua Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur, Samsudin Mohamad Fauzi berkata, alat ganti dan servis di bengkel bertaualiah lebih tinggi kosnya berbanding bengkel biasa, menyebabkan pengguna tidak kisah jika jaminan kenderaan mereka luput lebih awal daripada tempoh sepaututnya.

Katanya, perbandingan lazim dilihat adalah alat ganti tulen di pusat servis bertaualiah adalah berkali ganda lebih mahal berbanding bengkel biasa yang juga menawarkan pilihan tulen dan alat ganti tiruan yang lebih murah.

"Harga yang murah menyebabkan ramai pemilik kereta memilih alat ganti tiruan berbanding tulen walaupun tindakan itu boleh menjejaskan keselamatan mereka di

atas jalan raya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perodua semalam, yang menyatakan kebimbangan terhadap lambakan produk dan alat ganti tiruan di pasaran.

Pengarah Urusan Perodua Sales Sdn. Bhd., Datuk Dr. Zahari Husin mengadakan pertemuan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi membincangkan kaedah mengekang pengeluaran produk dan alat ganti tiruan di pasaran.

Samsudin berkata, Perodua perlu menurunkan harga atau mewujudkan alat ganti yang harganya mampu dimiliki kepada pengguna bagi memastikan keselamatan mereka terjamin.

"Atau hasilkan produk alternatif kepada pengguna yang mempunyai tahap kualiti yang sama, mungkin alat ganti tersebut mempunyai jangka hayat pendek tetapi harganya lebih murah," katanya.